

**Kos BR1M akan menggunakan RM11 bilion dana awam, kata PKR  
Malaysian Insider  
April 8,2013  
Oleh Syed Jaymal Zahiid**

PETALING JAYA, 8 April — Pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) oleh Barisan Nasional akan menyebabkan penggunaan dana awam sebanyak RM11 bilion setahun menjelang 2023, dan tidak menyelesaikan masalah isi rumah berpendapatan rendah, kata Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli.

PKR juga turut mendakwa langkah memberikan bantuan tunai seperti itu juga menunjukkan kegagalan kerajaan memahami masalah ekonomi yang menyelubungi Malaysia.

“Ia bukan tindakan bijak kerana bakal menyebabkan perbelanjaan besar tanpa mengubah struktur ekonomi apabila sejumlah antara RM7 bilion hingga RM11 bilion dibelanjakan setahun boleh digunakan untuk mengurangkan harga, memansuhkan tolo dan menurunkan harga kereta,” katanya kepada pemberita di sini.

Rafizi (gambar) menjelaskan, anggaran untuk mencapai sasaran BN meningkatkan pemberian BR1M kepada RM1,200 daripada RM500 sebelum ini akan meningkatkan kos sebanyak RM7.2 bilion pada tahun pertama dan RM11 bilion pada 2023.

“Ia tidak menyelesaikan masalah mereka atau mengubah kedudukan ekonomi,” katanya dalam respon kepada manifesto BN yang dilancarkan Sabtu lalu.

Pemimpin muda PKR itu turut menjelaskan kritikan terhadap pemberian wang tunai kepada rakyat itu bukan bertujuan untuk menentang kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah namun mempertikaikan program tersebut yang jelasnya tidak membantu pengundi menangani masalah inflasi.

“Ia tidak seharusnya dijadikan sesuatu yang mensasarkan membeli undi,” katanya.

Manifesto Pakatan Rakyat (PR) sebaliknya memberikan butiran rancangan pembangkang untuk meningkatkan pendapatan isi rumah melalui pendekatan ekonomi seperti peningkatan latihan dan pembaharuan pendidikan, tambah Rafizi lagi.

Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak berkata partinya berjanji akan meningkatkan pemberian BR1M sehingga RM1,200 kepada keluarga berpendapatan rendah sekiranya BN dipilih menjadi kerajaan semula dengan mandat yang lebih besar.

Presiden Umno itu bagaimanapun menafikan polisi berkenaan untuk “membeli undi” namun ia adalah cara terbaik untuk mensasarkan penduduk berpendapatan rendah berbanding kaedah subsidi yang turut dinikmati golongan kaya.

Menjelang pilihan raya, Najib melancarkan manifesto mereka, “Menepati Janji Membawa Harapan” yang turut termasuk penurunan cukai individu dan syarikat.

Manifesto yang merangkumi 17 perkara itu turut memfokuskan kepada pembangunan luar bandar, menepati aspirasi belia, pendidikan termasuk menangani gejala rasuah.

Pemimpin PR bagaimanapun melihat manifesto BN itu meniru mereka termasuk menurunkan harga kereta yang mana sebelum ini dikritik BN kerana mengatakan akan menyebabkan negara jatuh mufliis.

"Kritikan mereka selama ini musnah dengan sehari, ia adalah kesilapan dalam taktik Najib," kata Rafizi lagi.

Tambahnya, PR juga akan memperkenalkan kepada rakyat polisi dalam manifesto mereka.

Pemimpin BN juga sebelum ini mengkritik manifesto PR dan menggelarkannya tidak masuk akal kerana akan menyebabkan defisit yang lebih besar. Hutang kerajaan sekarang berada di tahap 55 peratus berbanding GDP.

PR menafikan perkara itu dengan menunjukkan anggaran tersendiri mereka, termasuk meneruskan subsidi barangan keperluan harian, yang boleh ditampung dengan lebihan perbelanjaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kos-br1m-akan-menggunakan-rm11-billion-dana-awam-kata-pkr/>